

06 FEB 1998

Malaysia-Ekonomi

EKONOMI TERUS PULIH, PELABUR ASING KEMBALI

Oleh: Azman Ujang dan D.Sundara Raja

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Ekonomi Malaysia pulih lebih cepat daripada yang dijangkakan dengan pelabur-pelabur asing yang meninggalkan pasaran saham kerana panik semasa krisis mata wang memuncak, kini kembali semula dalam kumpulan-kumpulan besar, kata para penganalisa.

"Pengurus-pengurus dana yang meninggalkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kini kembali semula dengan sentimen keseluruhan pasaran mencatatkan pencapaian terbaiknya sejak krisis itu bermula Julai lepas," kata seorang penganalisa kanan yang namanya tidak mahu disiarkan.

Dibantu oleh perkembangan positif di senario ekonomi serantau, ringgit yang jatuh pada paras bawah empat ringgit berbanding dolar Amerika awal bulan lepas, kini telah pulih sedikit melepasi paras "psikologi" itu sejak beberapa hari lepas.

Ringgit pulih ke paras 3.8500 dalam urusanniaga pada sebelah pagi ini, iaitu aras yang mengikut penganalisa-penganalisa lain boleh membawa kepada pengukuhan seterusnya bagi ringgit memandangkan dana asing kini kembali semula ke BSKL menyebabkan permintaan tinggi bagi ringgit.

"Wang asing yang datang ke pasaran Malaysia perlu ditukar kepada ringgit sebelum boleh diperdagangkan dan ini meningkatkan permintaan bagi mata wang tempatan itu, yang seterusnya menyebabkan nilainya meningkat," kata penganalisa itu.

Pemandangan di galeri firma-firma broker saham, yang sebelum ini lengang berbulan-bulan lama selepas pasaran saham terjejas, dengan jelas menunjukkan keyakinan terhadap ekonomi negara telah kembali dan banyak saham yang harganya jatuh di paras 50 sen, kini terus naik.

Tinjauan di beberapa firma broker saham hari ini menunjukkan ada antara galeri awam kini bertukar menjadi "pasar ikan" sehinggakan tiada tempat untuk berdiri berbanding sebelum ini yang mana keadaannya lengang dan pelabur-pelabur tidak kelihatan.

Seorang remisier berkata, jumlah saham yang didagangkan sejak beberapa hari lepas lebih mirip kepada keadaan semasa "bull run" pada 1993 yang mana lebih daripada setengah bilion saham didagangkan.

Apabila BSKL dibuka hari ini, jumlah saham yang didagangkan melepasi angka setengah bilion di sesi pertama.

"Malaysia kini telah keluar daripada kemelut. Keadaan tidak menentu sejak beberapa bulan lepas kini tiada lagi dan pengurus-pengurus dana asing kini telahpun kembali," kata penganalisa kanan itu.

Sentimen pro-ringgit sejak BSKL kembali beroperasi pada Selasa selepas cuti Tahun Baru Cina, Aidilfitri dan Hari Wilayah Persekutuan hari ini khasnya menunjukkan prestasi membanggakan ekoran khabar Sultan Brunei telah membeli sebuah bangunan di sini yang menjadi mercu tanda Kuala Lumpur.

Pada Selesa lepas, BSKL memasuki Tahun Harimau dengan mencatatkan peningkatan indeks komposit yang terbaik sejak sekian lama.

Indeks komposit itu yang berlegar di sekitar 500-mata untuk beberapa bulan, naik 131.8 mata pada hari yang sama, sementara ringgit turun daripada paras empat ringgit berbanding dolar Amerika kepada 3.9800.

Menurut seorang peniaga mata wang, khabar mengenai pelaburan Sultan Brunei itu muncul dua bulan lepas tetapi kali ini "nampaknya ada sedikit kebenaran memandangkan hampir keseluruhan pasaran berdesas-desus dengan khabar itu".

"Urusniaga dalam dolar Amerika itu bermakna sejumlah besar dolar akan masuk ke negara ini dan ringgit dijangka meningkat memandangkan kemasukan

dolar Amerika itu," kata beliau.

Jika dapat disahkan, urusanniaga membabitkan pemerintah Brunei itu yang merupakan manusia terkaya di dunia, sudah pasti ia akan membantu ekonomi Malaysia dalam jangka panjang.

Lawatan pegawai kanan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, serta Setiausaha Pertahanan Amerika William Cohen yang juga anggota kanan kongres baru-baru ini turut menyumbangkan kepada pemulihan pasaran kewangan dan saham.

Lawatan-lawatan itu bertujuan membina keyakinan memandangkan keadaan ekonomi tidak menentu dengan Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus dan Presiden Bank Dunia James Wolfensohn menyatakan sokongan mereka terhadap langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam menangani kegawatan ekonominya.

Para pegawai Amerika dan ahli-ahli perniagaan menurut duta Amerika di sini John Malott yakin yang Malaysia akan menjadi negara pertama untuk pulih daripada krisis yang menimpa Asia Tenggara dan ia mampu mengembalikan keyakinan pelabur kerana "ekonominya diuruskan lebih baik berbanding negara-negara lain Asia".

Penganalisa itu juga berkata, kepulangan pelabur asing dalam pasaran saham juga berpunca daripada ucapan negara Presiden Clinton minggu lepas yang mana beliau menyeru pelabur-pelabur Amerika membantu Asia mengatasi krisis kewangan ataupun menghadapi risiko krisis itu merebak ke Amerika.

Baru minggu ini, jutawan kelahiran Mesir Mohamad Al Fayed, pemilik gedung membeli belah terkemuka Harrods di London datang ke negara ini dan mengumumkan beberapa pelan untuk membantu memulihkan keyakinan pada ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto bulan lepas, kini dalam rangka lawatan singkat ke Thailand dan Filipina untuk mendapatkan sokongan bagi penggunaan mata wang masing-masing dalam perdagangan di kalangan negara-negara Asean.

Ini bagi mengurangkan kos urusanniaga memandangkan nilai dolar Amerika telah meningkat.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi (MIER) Dr Mohamed Arif berkata: "Lawatan Perdana Menteri membawa mesej yang ini adalah usaha bersama negara-negara anggota Asean ke arah memperbaiki keadaan ekonomi di rantau."

"Apa yang membimbangkan pemimpin-pemimpin Asia ialah kesan daripada kemelut sekarang ini akan menyebabkan pelarasan yang menyakitkan seperti pengurangan perbelanjaan dan pemberhentian pekerja. Pemimpin-pemimpin Asean cuba membina keyakinan di peringkat kebangsaan dan serantau," kata beliau.

-- BERNAMA

AU DSR PR